

07/03/1999

Osman Aroff boleh bantu Dr Mahathir

SATU jawatan akar umbi politik yang Kiau rasa cukup penting dan istimewa tetapi jarang mendapat perhatian ialah wakil peribadi.

Boleh dikatakan setiap Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri, khususnya yang memegang jawatan dalam Kerajaan Pusat atau negeri, melantik seorang yang mereka percayai sebagai wakil peribadi.

Tugas wakil peribadi ialah menjalankan kerja Ahli Parlimen atau Adun di kawasan pilihan rayanya. Maka walaupun pelantikan wakil peribadi perkara biasa, ia tetap satu perkara penting.

Selain dipercayai oleh Ahli Parlimen atau Adun yang melantiknya, wakil peribadi juga seorang pemimpin akar umbi yang disukai ramai dan mampu menangani masalah politik tempatan.

Perhatian Kiau tertarik kepada jawatan itu apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu melantik bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff sebagai wakil peribadinya di Kubang Pasu.

Kubang Pasu seperti umum maklum adalah kawasan Parlimen Perdana Menteri yang pada akhir-akhir ini dikatakan menjadi sasaran serangan Pas.

Biasanya pelantikan seorang wakil peribadi, termasuk oleh Dr Mahathir, tidak menarik perhatian umum. Malah tidak pun dihiraukan sangat.

Tetapi, apabila yang dilantik Perdana Menteri itu bekas Menteri Besar dan Adun kanan, pastilah ada pihak yang tergerak untuk membuat kupasan dan andaian.

Ini tidak memeranjatkan kerana Osman bukan sebarang orang dalam politik Kedah. Beliau salah seorang daripada empat Adun dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu.

Beliau menjadi Adun sejak 1969 dan memegang jawatan Menteri Besar selama lebih 11 tahun.

Yang tidak kurang menarik ialah hakikat bahawa beliau meletak jawatan Menteri Besar lebih dua tahun lalu kerana Perdana Menteri mempunyai orang lain untuk mengambil tempatnya.

Peristiwa yang berlaku di sekitar persaraan Osman daripada jawatan Menteri Besar juga bukanlah peristiwa biasa. Mungkin tidak keterlaluan kalau Kiau takrifkannya sebagai pemberontakan atau, setidak-tidaknya, percubaan memberontak oleh penyokong beliau.

Walaupun Osman sendiri cuba tidak menonjolkan pelantikannya yang terbaru ini dengan menyifatkannya sebagai tidak menambah beban kerjanya, apa yang tersirat tetap jelas kepada sesiapa juga yang berminat terhadap politik Kedah.

Sama seperti Umno negeri-negeri lain, Umno Kedah memerlukan perpaduan dan penyembuhan daripada segala bentuk masalah dan pertelingkahan.

Apatah lagi Kedah pasti menjadi sasaran serangan Pas dalam pilihan raya akan datang.

Sebagai pemimpin veteran Umno Kedah dan Menteri Besar selama lebih satu dekad, Osman tentulah antara orang yang paling faham mengenai kekuatan, kelemahan dan masalah Umno negeri itu.

Keputusan pilihan raya umum 1995 memberikan gambaran yang cukup jelas bahawa Pas terus menjadi ancaman di Kedah. Beberapa kawasan Parlimen dan DUN di Kedah sangat terdedah kepada serangan Pas.

Kiau mendapat tahu, Kubang Pasu sendiri sudah pun mula menjadi kawasan tumpuan tukang kempen dan kaki cerca Pas. Sudah kedengaran pemimpin dan penyokong Pas dengan bongkak mengisytiharkan Kubang Pasu sebagai 'Kubang Pas'.

Lebih daripada itu, Kiau tidak berani dan tidak mahu membuat andaian mengenai apakah peranan Osman seterusnya, selain mewakili Dr Mahathir di Kubang Pasu.

Yang pasti ialah sebagai ahli dan pemimpin veteran Umno yang datang dari akar umbi, Osman tentulah mempunyai pengaruhnya tersendiri yang boleh membantu Perdana Menteri.

Dan sesiapa saja yang boleh membantu Dr Mahathir, boleh membantu Umno dan Barisan Nasional di Kedah dalam pilihan raya akan datang.

(END)